

## Rencana Pengarang

membuka suatu jalan memberi bantuan-bantuan yang lurus kepada badan-badan penerbitan yang cenderung di dalam usaha-usahanya dan boleh dipercayai, untuk mentadbir dan menerbitkan kitab-kitab agama atau kitab-kitab yang berunsur agama yang membawa kesedaran kepada agamanya. Bantuan ini sepatutnya dibuat selari dengan bantuan-bantuan yang diberi di dalam membina masjid dan madrasah supaya janganlah kelak usaha kepada pekerjaan di dalam tujuan yang baik jadi pincang – madrasah ada, masjid ada tetapi kitab-kitab agama di dalam bahasa kita kurang dan tidak memuaskan adanya.

\* \* \*

### Boikot Di Atas Pilihan Raya

#### Di Singapura

Parti-parti pembangkang Singapura – Barisan *Socialist*, Perikatan, Pertubuhan Tionghua, KMS, PKM dan PAS semuanya sekata telah memboikot pilihan raya Singapura yang mulanya diisyiharkan hari menamakan calon tetapi tidak menentukan hari mengundi.

Ada kemungkinan beberapa sebab-sebab yang diambil mengapa mereka tidak mahu bertanding:

**Pertama:** Pilihan raya diadakan belum

lagi cukup masanya dan dianjurkan dengan mengejut seolah-olah tidak memberi peluang kepada lawan-lawannya bersiap-siap ataupun untuk menutup perkara-perkara yang bakal timbul sebelum kesulitan-kesulitan yang bakal dihadapi kerajaan timbul.

**Kedua:** Dengan tidak lebih dahulu menentukan masa hari mengundi dalam masa sebelum mencalonan – memungkinkan apabila kelak ramai orang-orang yang menentang pihak kerajaan – ramai calon-calon menentang – maka hari pengundian diletakkan dalam masa sembilan hari sesudah hari pencalonan – ini bermakna pihak pembangkang tidak ada masa untuk bersiap sedang pihak kerajaan PETIR (parti pemerintah) sebenarnya sudah cukup bersiap.

**Ketiga:** Card pengundi diberi bernombor – menjadikan undi itu tidak lagi undi rahsia seperti yang dikehendaki di atas lunas-lunas demokrasi iaitu pengundian dengan rahsia.

Pemboikotan ini ertinya bukanlah orang tidak mahu melawan atau mengaku kalah tetapi bermakna bahawa pilihan raya yang berjalan itu dipandang oleh dunia adalah berudang di sebalik batu yang banyak sebab-sebabnya yang mungkin boleh orang menyangka bahawa di Singapura tidak ada lagi lunas demokrasi berjalan.

Adanya tentangan-tentangan daripada orang-orang perseorangan tidaklah bermakna kerana banyak perkara yang boleh terjadi di dalam hal yang serupa ini.

\* \* \*

#### Penampungan Pemuda

Dengan turunnya harga getah, maka di bandar-bandar besar seperti di ibu kota ini banyak dipenuhi oleh pemuda-pemuda kampung yang cuba mencari pekerjaan

di bandar-bandar. Ini terbukti kalau ada sahaja satu-satu jabatan yang kosong maka beratus-ratus kali ganda datang peminta-pemintanya. Pemuda dan pemudi kita Melayu berkeliaran di sana sini untuk mencari kerja di mana-mana ada kilang yang terbuka.

Semuanya menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai pekerjaan. Hal ini mustahak sangat mendapat perhatian yang wajar di dalam negara membangun sekarang.

Untuk memberi pekerjaan kepada bumiputera – tidaklah akan diharap-harap dengan jalan mendaftarkan pekerja atau pun berharap kepada kilang-kilang sahaja tetapi satu usaha yang lain patut dicari untuk menampung pemuda-pemuda itu. Sekiranya mereka tidak ditampung mungkin mereka akan mudah terpengaruh oleh anasir-anasir jahat yang bakal merosakkan keamanan.

Umpamanya, di dalam usaha-usaha pembangunan, kem-kem pemuda mesti diadakan untuk melatih mereka di dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan. Di mana-mana kerja-kerja yang dibuat atau diselenggarakan oleh kerajaan atau oleh badan yang berdampingan dengan kerajaan maka hendaklah mereka itu dihantarkan untuk menjalankan kerja-kerja itu ke mana-mana juga di dalam Malaysia dengan berkumpulan-kumpulan atau berpasukan iaitu sesudah mendapat latihan sama ada latihan rohani dan jasmani di dalam masa diadakan latihan itu. Dengan cara ini semangat bekerja mereka ada dan penampungan berjalan serta usaha